

Tarikh Dibaca: 19 OGOS 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“MENGAWAL PERASAAN MARAH”

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





“MENGAWAL PERASAAN MARAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ وَإِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ
فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ إِنَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٦﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Fussilat ; 36



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan hamba-hamba Allah yang mendapat rahmat dan kasih sayang serta perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat nanti.

Pada kesempatan Jumaat sayyidul ayyam ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "**MENGAWAL PERASAAN MARAH**".

Hadirin Jumaat sekalian,

Pada 7 Oktober 2015 yang lalu, negara kita dikejutkan dengan kematian ngeri sepasang suami isteri. Motor yang mereka naiki meletup kerana telah diletakkan bom oleh anak mereka sendiri. Perasaan kemarahan anak itu membara akibat keengganan ibubapanya menjual tanah kebun seluas 4.85 hektar. Begitu juga beberapa kes lain yang telah menggemparkan kita yang dicatatkan dalam akhbar-akhbar harian akibat daripada sikap marah yang tidak dapat dibendung lagi. Masya Allah, dunia hari ini menyaksikan bahawa sifat marah telah menjadi satu penyakit harian yang sukar diubati dalam masyarakat.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marah asalnya merupakan satu perasaan dalaman individu yang terhasil tanpa sedar, menyebabkan ketegangan saraf, mengganggu emosi dan fikiran, hilang pertimbangan, meningkatkan degupan jantung, meninggikan tekanan darah, mempercepatkan aliran darah ke otak. Semua gejala ini boleh menyebabkan berlakunya perubahan warna muka, anggota badan menggigil, leher meregang. Akhirnya lidah akan mengeluarkan



perkataan keji dan buruk. Anggota badan seperti mulut, kaki dan tangan bertindak di luar kawalan, memaki, mencekik, menumbuk, mengganas hinggalah sanggup membunuh.

Hadis daripada Abi Said al-Khudiri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَأَنَّ الْغَضَبَ جَمْرَةٌ فِي قَلْبِ ابْنِ آدَمَ تَتَوَقَّدُ،
أَلَمْ تَرَوْا إِلَى حُمْرَةِ عَيْنَيْهِ وَانْتِفَاحِ أَوْدَاجِهِ

"Dan sesungguhnya marah itu merupakan seketul bara api yang menyala di dalam hati anak Adam, tidakkah kamu lihat matanya merah membara dan tegang urat lehernya".

(Riwayat Ahmad).

Marah akan menambahkan perasaan dendam, dengki, benci membenci sehingga kadangkala boleh membawa perceraian, pergaduhan dan pertumpahan darah dalam masyarakat.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marah bukan sahaja membuka pintu kejahatan bahkan akan merosakkan perasaan ceria, damai, gembira yang dinikmati. Gelombang marah juga sering menimbulkan kesedihan. Marah merupakan sifat keji, sedangkan pemaaf menjadikan jiwa kita suci. Marah menyebabkan kehidupan kita terganggu, sedangkan memaafkan akan menjadikan jiwa kita luhur. Marah menjadikan tidur kita tidak aman, sedangkan memaafkan menjadikan tidur kita tenang. Marah boleh membawa kepada stress, darah



tinggi, sakit jantung dan kerosakan pada tubuh badan, sedangkan pemaaf menjadi penawar kesihatan!

Allah SWT memuji orang-orang beriman yang pemaaf melalui firman-Nya dalam surah asy-Syura ayat 37;

وَالَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا
غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ

"Dan juga bagi orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji. Apabila mereka marah (disebabkan perbuatan yang tidak patut terhadap mereka), mereka selalu meminta maaf".

Oleh itu, jauhilah sifat marah kerana sifat marah merupakan punca kepada segala keburukan, dan membawa martabat manusia turun serendah-rendahnya.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Agama Islam menyuruh umatnya mengekang kemarahan. Dan sentiasa bersikap pemaaf. Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengekang perasaan marah dan suka memaafkan orang lain, mereka sebenarnya memiliki ciri-ciri orang-orang yang muhsinin iaitu orang yang suka berbuat kebajikan. Mereka yang bersifat sedemikian adalah orang yang sangat dicintai oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah ali Imran ayat 134;



قل

... وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ



وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

"... orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang lain. (Ingatlah) bahwa Allah mencintai orang-orang yang berbuat kebajikan".

Oleh itu, kawallah marah dan tanamkanlah sifat pemaaf. Milikilah sifat tawaduk dan lemah lembut dalam pergaulan. Pepatah Arab ada menyatakan ;

كَلَّمَا غَضِبْتَ فَإِنَّكَ تُسَمِّمُ جِسْمَكَ

"Setiap kali engkau marah engkau sebenarnya telah meracuni tubuh badanmu".

Sesungguhnya kekuatan dan kemenangan itu tidak diukur berdasarkan pergaduhan dan sifat marah sebaliknya seseorang itu dianggap kuat apabila dapat menahan marahnya.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ



"Bukanlah orang yang kuat itu diukur berdasarkan kekuatan fizikalnya, bahkan orang yang kuat ialah orang yang mampu menahan dirinya ketika marah".

Hadirin sekalian,

Agama Islam telah menggariskan beberapa panduan dalam mengurus dan mengawal sifat marah.

1. **Mengucapkan perkataan *أَعُوذُ بِاللَّهِ*.**

Hadis daripada Ibnu Mas'ud RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَوْ يَقُولُ أَحَدُهُمْ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ
ذَهَبَ غَضَبُهُ أَوْ سَكَنَ غَضَبُهُ

"Apabila seseorang (yang sedang marah), maka katakanlah *أَعُوذُ بِاللَّهِ*
nescaya akan tenanglah marahnya"

(Riwayat at-Tabrani).

2. **Mengubah kedudukan.**

Mengubah kedudukan juga dapat mengelakkan marah dari terus berpanjangan. Hadis daripada Abu Zar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;



إِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ قَائِمٌ فَلْيَجْلِسْ، فَإِنْ
ذَهَبَ عَنْهُ الْغَضَبُ وَإِلَّا فَلْيُضْطَجِعْ

"Jika kamu merasa marah dan sedang dalam keadaan berdiri maka hendaklah ia duduk, jika marah itu tidak hilang maka hendaklah ia baring".

(Riwayat Ahmad).

3. Mengambil wuduk.

Mengambil wuduk ketika dalam keadaan marah juga boleh memadamkan api kemarahan. Hadis daripada Atiyah Bin Urwah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ الْغَضَبَ مِنَ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ
مِنَ النَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِبَ
أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ

"Sesungguhnya marah itu daripada syaitan, dan syaitan itu diciptakan daripada api. Dan sesungguhnya api dapat dipadamkan dengan air. Maka apabila seseorang dari kamu marah hendaklah dia mengambil wuduk".

(Riwayat Ahmad).

4. Mendinginkan diri.



Seterusnya bagi menahan perasaan marah juga kita dinasihatkan oleh Rasulullah SAW supaya diam dan tidak bercakap sepertimana diriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Ibnu Abbas RAnhuma;

إِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْكُتْ

"Apabila seseorang dari kamu sedang marah maka hendaklah dia diam".

Jelas meunjukkan bahawa ketika marah, percakapan kita akan melampaui batas kesedaran, perkataan yang dikeluarkan boleh membawa permusuhan, perceraian, dendam atau kemusnahan dan mengeluarkan perkataan yang dimurkai Allah.


Hadirin yang dimuliakan Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita hayati beberapa pengajaran seperti berikut;

1. Umat Islam hendaklah berusaha mengawal sifat marah dan menambahkan sifat pemaaf dalam diri.
2. Umat Islam hendaklah berusaha menjauhi sifat hasad, nista dan dendam yang berpunca daripada marah.
3. Umat Islam hendaklah berakhlak dengan akhlak yang mulia dan menjauhi sifat-sifat yang keji.
4. Marah yang terkawal dan kena pada tempatnya adalah diharuskan sepertimana dalam usaha mencegah perkara perkara mungkar dan maksiat.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ
وَإِمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ إِنَّهُ

سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“Berilah kemaafan dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang yang jahil. Jika engkau digoda oleh sesuatu godaan daripada syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

(al-A'raf ; 199-200).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dan bahawa Islam sentiasa mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَالِحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظَمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.